

KERATAN AKHBAR

JUDUL : PERPUSTAKAAN KEKAL RELEVAN: 8.2 JUTA PENGGUNA, 56,473 PROGRAM GALAKAN MEMBACA

TARIKH : 5 OKTOBER 2025

SITASI :

M/S :

Harian, W. S. (2025a, October 5). Perpustakaan kekal relevan: 8.2 juta pengguna, 56,473 program galakan membaca | Sinar Harian. *Sinar Harian*.

Perpustakaan kekal relevan: 8.2 juta pengguna, 56,473 program galakan membaca

05 Oktober 2025 10:20am



Pada tahun 2024, seramai 8,281,541 pengguna telah menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia. (Gambar kecil: Aaron)

PUTRAJAYA - Program Galakan Membaca Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus membuktikan komitmen dalam memperkukuh budaya ilmu di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sepanjang tahun 2024 sahaja, sebanyak 56,473 program galakan membaca telah dilaksanakan di seluruh negara.

Menurutnya, ini bukan sekadar angka statistik, sebaliknya menjadi langkah strategik ke arah mencapai misi Negara Membaca menjelang 2030, iaitu membina masyarakat berilmu melalui pembacaan sebagai asas perubahan zaman.

"Sering timbul persoalan tentang kerelevanan perpustakaan di era digital kini. Ada yang beranggapan perpustakaan semakin sunyi kerana buku boleh diakses secara dalam talian, malah ada yang menyifatkannya sebagai "membosankan".

"Namun, fakta membuktikan sebaliknya. Data menunjukkan bahawa pada tahun 2024, seramai 8,281,541 pengguna telah menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Ujarnya, angka ini adalah bukti nyata bahawa perpustakaan bukan sahaja masih relevan, malah terus menjadi pusat rujukan, pembelajaran dan interaksi sosial yang penting dalam membina masyarakat berpengetahuan.

"Kementerian Perpaduan Negara juga mengambil perhatian serius terhadap cabaran, terutama persepsi generasi muda yang kadang-kadang menganggap perpustakaan membosankan," katanya.

Tambahnya, pendekatan proaktif sedang dijalankan untuk menghidupkan semula pengalaman di perpustakaan, termasuk aktiviti interaktif, teknologi digital, dan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

"Dengan langkah ini, kementerian memastikan perpustakaan kekal relevan, menarik, dan sesuai dengan gaya hidup generasi muda, sambil memupuk minat membaca dan budaya ilmu sebagai asas pembinaan masyarakat berpengetahuan," katanya.

Kini, katanya, kementerian melalui PNM juga sedang bergerak ke arah pendigitalan perpustakaan seiring perkembangan teknologi terkini, termasuklah kecerdasan buatan (AI), realiti maya, serta metaverse.

"Transformasi digital ini bukan bermakna perpustakaan fizikal akan terhapus, sebaliknya menjadi pelengkap kepada akses maklumat yang lebih luas, fleksibel dan sesuai dengan gaya hidup generasi baharu," ujarnya.

Aaron berkata, sejarah dunia sendiri telah membuktikan bahawa perpustakaan adalah institusi yang mampu bertahan merentasi perubahan zaman.

Berita Telus & Tulus menerusi E-Mel setiap hari!

"Perpustakaan Alexandria di Mesir pernah menjadi pusat tamadun ilmu dunia; Perpustakaan Bodleian di Oxford dan Perpustakaan Kongres di Amerika Syarikat pula kekal hingga kini sebagai lambang ketamadunan, penyelidikan dan pencapaian ilmu manusia," jelasnya.

Justeru, katanya, perpustakaan bukan sekadar gedung buku, tetapi simbol tamadun, identiti bangsa, dan kemajuan manusia.

"Maka, perpustakaan di Malaysia juga mampu terus bertahan jika mendapat kerjasama erat daripada semua pihak, kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, komuniti setempat, dan individu," ulasnya.

Tambahnya, peranan perpustakaan hanya akan terus hidup sekiranya masyarakat mendukungnya sebagai ruang pembelajaran sepanjang hayat.

"Dalam dunia yang semakin kompleks, membaca bukan sekadar hobi, tetapi keperluan untuk melahirkan warganegara berpengetahuan, kritis dan bersatu padu," katanya.

Ujarnya, dengan sokongan padu semua lapisan masyarakat, Misi Negara Membaca 2030 bukan sahaja mampu direalisasikan, malah akan mengangkat Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpaksikan ilmu dan budaya intelektual.

"Seiring dengan matlamat itu, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia melancarkan Kempen Malaysia Membaca sepanjang bulan Oktober, dengan pelbagai program dan aktiviti menarik yang dijalankan di perpustakaan seluruh negara," katanya.

Menurutnya, usaha ini bukan sekadar memupuk minat membaca, tetapi juga menghidupkan perpustakaan sebagai pusat ilmu, ruang interaksi komuniti, dan simbol perpaduan rakyat.

"Kempen ini menjadi kesinambungan misi besar negara untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan, kritis, dan progresif, sekaligus menjadikan pembacaan sebagai budaya hidup yang menyatukan kita menuju Malaysia sebagai Negara Membaca 2030," katanya.

Ringkasan AI

- Program Galakan Membaca Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia membuktikan komitmen memperkukuh budaya ilmu
- Sebanyak 56,473 program galakan membaca telah dilaksanakan di seluruh negara sepanjang tahun 2024
- Data menunjukkan 8,281,541 pengguna menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2024
- Pendekatan proaktif dan digitalisasi perpustakaan dilakukan untuk membuat perpustakaan kekal relevan dan menarik bagi generasi muda
- Kementerian melancarkan Kempen Malaysia Membaca dengan pelbagai program dan aktiviti di perpustakaan seluruh negara untuk menggalakkan membaca dan perpaduan